

CONTOH KARANGAN FORMAT BERITA

KOTA TINGGI, 11 NOVEMBER - Seramai 20 orang murid Sekolah Kebangsaan Kampung Selamat telah mengalami keracunan makanan. Mereka telah dihantar ke Klinik Kesihatan Kota Tinggi untuk mendapatkan rawatan oleh guru-guru sekolah berkenaan. Kejadian ini mula berlaku pada pukul 11.30 pagi selepas waktu rehat. Kejadian disedari oleh guru yang bertugas pada minggu tersebut iaitu Puan Hajah Lisa binti Jalil.

Kejadian tersebut berkemungkinan besar berlaku akibat daripada nasi lemak yang dijual di kantin sekolah. Kebanyakan murid yang memilih menu tersebut telah mengalami sakit perut dan muntah-muntah. Seramai lapan orang murid mengalami sakit perut yang serius, manakala selebihnya mengalami kesan ringan.

Pihak sekolah telah mengambil tindakan pantas dengan membawa murid-murid yang keracunan makanan untuk mendapatkan rawatan. Pihak pengusaha kantin pula dilarang meneruskan aktiviti jualan makanan pada hari tersebut. Pihak Pejabat Pelajaran Daerah Manjung juga telah dimaklumkan berkenaan dengan kejadian tersebut.

Sehingga pukul 4.00 petang, seramai dua belas orang murid telah dihantar ke Hospital Kota Tinggi untuk mendapatkan rawatan lanjut. Keadaan mereka pada ketika ini agak stabil. Sementara itu, murid-murid lain telah dibenarkan pulang. Pihak Klinik Kesihatan Kota Tinggi telah mengesahkan semua murid itu telah mengalami keracunan makanan.

Pihak Klinik Kesihatan Kota Tinggi telah datang melawat kantin sekolah berkenaan. Kantin sekolah diarahkan tutup serta-merta. Pengusaha kantin itu telah diminta untuk membersihkan kawasan kantin dan sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kantin sekolah hanya akan dibuka sekiranya pihak Klinik Kesihatan berpuas hati akan tahap kebersihan kantin tersebut.

(205 patah perkataan)